



PEMBINAAN jambatan projek MRT Lembah Klang sejauh 51 kilometer bermula dari Sungai Buloh melalui pusat bandaraya dan berakhir di Kajang sedang giat dijalankan.




PEMANDANGAN dari sebuah lokasi projek MRT Lembah Klang pada waktu malam.

Projek MRT RANCAK *berjalan*



PEKERJA MRT giat menjalankan tugas.



SEBANYAK 31 stesen MRT dibina untuk kemudahan 1.2 juta pengguna.

Spektrum Bersama Azhar Ramli

Projek Aliran Transit Massa (MRT) Lembah Klang yang sedang dalam pembinaan ketika ini, bakal mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan memberikan keselesaan kepada warga kota pada masa akan datang.

Projek ini adalah jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang membabitkan jarak sejauh 51 kilometer bermula dari Sungai Buloh melalui pusat bandaraya dan berakhir di Kajang.

Ketika ini, kerja bawah tanah termasuk pembinaan tujuh stesen bawah tanah dan terowong bagi bahagian bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang Line itu sudah siap lebih 70 peratus manakala bahagian bertingkat melebihi 49 peratus selesai.

Fasa seterusnya akan membabitkan kerja sistem termasuk memasang landasan kereta api bagi laluan itu, membeli dan mengoperasikan tren, menyediakan bekalan

kuasa bagi tren, tanda isyarat serta komunikasi.

Laluan Sungai Buloh-Kajang, yang terdiri daripada 31 stesen akan menyediakan kemudahan kepada 1.2 juta pengguna di sepanjang laluan dan dijangka beroperasi pada Julai 2017 manakala bahagian bertingkat dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka beroperasi pada Disember 2016.

